

TRANSFORMASI PEKAN PARIT KE ARAH Mencari Kesejahteraan Hidup Masyarakat dan Kelestarian Alam Sekitar: SATU TINJUAN AWAL

Haryati Shafii¹ & Sharifah Meryam Shareh Musa²
haryati@uthm.edu.my¹ & meryam@uthm.edu.my²
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ABSTRAK

Isu yang diutarakan dalam penelitian ini adalah berkenaan dengan tiga cabaran utama dalam mencari kesejahteraan hidup masyarakat dan kelestarian alam sekitar di Pekan Parit Raja ekoran daripada tekanan pembangunan iaitu “Transformasi Pekan Parit Raja”, “Daya Huni Bandar” dan “Kelestarian masyarakat dan alam sekitar”. Ketiga-tiga cabaran ini merupakan aspek penting yang diteliti bagi menentukan perubahan sosioekonomi penduduk setempat, mengetahui keperluan dan kehendak penduduk setempat mengikut ruang dan masa dan akhirnya dapat membentuk indeks kesejahteraan hidup untuk bandar kecil Parit Raja. Untuk itu konsep transformasi, pembangunan lestari, daya huni bandar dan kualiti hidup akan diteliti bagi menjawab kepada persoalan kajian. Selain itu, aspek sosio ekonomi dan persekitaran fizikal akan dikaji bagi melihat sejauhmana ketahanan alam sekitar dalam menghadapi perubahan di Pekan Parit Raja. Pentingnya kesejahteraan hidup masyarakat di Pekan Parit Raja dikaji kerana adanya pertambahan penduduk yang pesat, ekonomi dan pasaran yang mendadak yang telah menimbulkan satu keadaan di mana, kemungkinan sebahagian masyarakatnya mendapat impak yang positif dan sebahagiannya lagi mendapat impak negatif. Pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan flora dan fauna, kerana ia merupakan khazanah alam yang amat berharga. Kepentingannya kepada generasi kini dan akan datang dalam mengenali dan menghargai warisan tersebut daripada kepupusan sememangnya tidak dapat dipertikaikan lagi. Justeru, diharapkan kajian ini akan dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam sekitar di Pekan Parit Raja supaya ianya tidak terpinggir.

Kata Kunci: Transformasi, daya huni, kualiti hidup, kesejahteraan

1.1 PENGENALAN

Kewujudan sesebuah bandar di Malaysia adalah berkait rapat dengan faktor persekitaran yang mendominasi kepada aktiviti penduduk setempat. Aktiviti pertanian, perlombongan, menangkap ikan adalah antara aktiviti manusia yang berjaya mempengaruhi kewujudan sesebuah bandar di Malaysia. Selain daripada dasar kolonial yang mula bertapak di Tanah Melayu semenjak kedatangan Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun dan diakhiri oleh Inggeris, bandar-bandar di Tanah Melayu pada masa tersebut banyak dibuka berasaskan aktiviti perlombongan iaitu bijih timah dan pertanian seperti getah, kelapa sawit dan koko. Perkembangan bandar pada masa tersebut bermula dengan bandar-bandar kecil yang banyak memainkan peranannya dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosioekonomi untuk kawasan sekitarnya.

Di Malaysia menoleh kepada tiga dasawarsa lepas, bandar-bandar kecil hanya berperanan dan berjaya melonjakkan pertumbuhan sosioekonomi penduduk setempat sahaja. Ianya berperanan membekalkan keperluan harian masyarakat setempat di kawasan sendiri dan pedalaman sahaja. Namun kini, peranan bandar kecil telah berubah dan tidak lagi dilihat sebagai bandar yang sepi dari segi peranannya, juga ianya tidak sepi dari segi sumbangannya dalam melonjakkan perkembangan ekonomi dan sosial negara. Keadaan ini disokong dengan beberapa bandar kecil yang lain telah berkembang pesat menjadi pusat perindustrian, pengeluaran, perkhidmatan dan pendidikan hasil daripada pelaburan langsung dari dalam dan luar negara. Justeru, penelitian ini telah melihat bahawa di tengah-tengah kepesatan pembangunan ekonomi negara, bandar kecil telah menghadapi cabaran dari aspek isu kebolehiannya, kelestarian sumber, pembangunan dan akhirnya persoalan kepada kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat dan kelestarian alam sekitar di dalamnya.

2.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian “Transformasi Pekan Parit Ke Arah Mencari Kesejahteraan Hidup Masyarakat Dan Kelestarian Alam Sekitar” merupakan satu tinjauan awal terhadap Pekan Parit Raja yang bertujuan untuk melihat kepada tiga aspek cabaran yang utama iaitu “Transformasi Pekan Parit Raja”, “Daya Huni Bandar” dan “Kelestarian masyarakat dan alam sekitar bagi mencapai Kesejahteraan Hidup”. Ketiga-tiga cabaran ini merupakan aspek penting yang akan diteliti bagi mengetahui perubahan sosioekonomi penduduk setempat, menganalisis keperluan dan kehendak penduduk setempat mengikut ruang dan masa dan akhirnya dapat membentuk indeks kesejahteraan hidup untuk bandar kecil Parit Raja.

Konsep transformasi yang cuba digarapakan dalam kajian ini adalah perubahan sesebuah bandar kecil yang bermula sebagai bandar yang membekalkan keperluan hasil pertanian, peruncitan dan keperluan kecil penghuni di pedalaman telah berkembang kepada sebuah bandar kecil yang bukan sahaja membekalkan hasil pertanian, tetapi juga mengeluarkan produk-produk tertentu dengan adanya perusahaan dan kilang-kilang perindustrian, perkhidmatan sosial (pendidikan) dan ekonomi mengikut kehendak semasa. Mungkin jika dilihat pada skala keluasan kawasan bandar kecil, ianya tidak merebak hingga ke pedalaman. Tetapi ianya berkembang dan selari dengan kehendak dan keperluan penduduk mengikut ruang dan masa.

Manakala konsep dayahuni (*livable*) pula memberi makna bahawa penduduknya sentiasa ‘ceria’, sibuk dengan pelbagai aktiviti dalam persekitaran ekonomi, sosial dan fizikal yang segar, hening kehijauan, selamat, menarik dan sihat (Casselati 1977; Cities (PLUS) 2003; Girardet 2004; Salzano 1997; Timmer & Seymour 2006). Maka dengan itu tumpuan adalah kepada penduduk dan aktiviti hariannya sebagaimana yang dijemakan dalam aspek-aspek pemikiran urbanisme baru (*the new urbanisme*) yang telah banyak dikemukakan oleh ramai penyelidik (Amin & Thriff 2002; Scott 2001; Short 2004). Ciri-ciri dayahuni tersebut dirungkai menerusi kesan tindakan penduduk dalam wilayah tersebut menggunakan perkhidmatan bandar setiap hari di

tempat-tempat yang menjadi tumpuan mereka, dengan bantuan pendekatan metabolisma bandar yang diperluas (Newman 1999).

Pendekatan ini membolehkan pemerhatian atau kajian dapat dijalankan melalui ruang dan masa dalam satu jangka masa singkat seperti dalam satu putaran harian, mingguan atau bulanan. Sesuatu bandar yang berdayahuni itu boleh diterima sebagai telah lestari dan seterusnya menjelmakannya sebagai sebuah pembangunan yang lestari. Konsep dayahuni bandar yang digembelingkan dalam kajian adalah untuk meneliti aspek kelestarian bandar dalam konteks pembangunan kelestarian dengan mengambil bandar kecil Pekan Parit Raja sebagai kawasan diperhatikan (kawasan kajian).

Konsep pembangunan lestari merupakan satu konsep yang cukup popular dan telah lama digunakan oleh sarjana dalam kajian yang berkaitan dengan perbandaran. Lestari konsep mengaitkan tiga demensi penting dan saling berkaitan dalam pembangunan sesebuah negara iaitu demensi pertumbuhan alam sekitar, pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan sosial. Pengabungan ketiga-tiga demensi ini yang mana akhirnya akan menghasilkan pembangunan lestari, yang mana menekankan kelangsungan sumber dan kehidupan untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

Apa yang dimaksudkan dengan bandar kecil yang lestari?. Bandar kecil yang lestari ialah bandar yang berupaya menyediakan kehidupan yang sempurna dan selesa iaitu dapat memenuhi keperluan penduduk yang sedia ada tanpa menjejaskan kelangsungan atau keperluan sumber untuk generasi yang akan datang. Kehidupan yang sempurna dan selesa ini adalah bagi memenuhi kehendak penduduk setempat dan pada masa yang sama menjarangkan penduduk (perhubungan dan jalinan industri/pengeluaran) setempat dengan wilayah seranta. Kedua-dua konsep ini, iaitu kelestarian tempat dan kelestarian rangkaian perlu sekiranya pembangunan diinginkan untuk generasi hari ini dan di masa akan datang.

Konsep kualiti hidup pula menggambarkan ianya sesuatu yang sukar untuk diukur. Malahan definisi tentang kualiti hidup itu sendiri adalah pelbagai. Walaupun demikian perkembangan dalam kajian ini jelas menunjukkan bahawa konsep kualiti hidup adalah bersifat multidisiplin. Kajian kualiti hidup adalah berkaitan dengan keadaan kehidupan yang baik dan selesa dengan keperluannya diperolehi (Raphael et al. 2001; Carlsson et al. 2002) dan ianya berkaitan dengan perspektif psikologi dan sosiologi (Raphael et al. 1996). Kajian kualiti hidup penting bagi menggambarkan kemampuan manusia/ bandar/ apa sahaja yang bertujuan ke arah kehidupan yang lebih baik dan selesa.

Terdapat tiga pendekatan falsafah yang menentukan kualiti hidup. Pertama, ciri kehidupan yang sejahtera (*good life*), ditentukan oleh kebaikan normatif berasaskan agama, falsafah dan sistem-sistem yang lain. Kedua, berasaskan kepuasan pilihan (*satisfaction of preferences*), iaitu memilih perkara yang meningkatkan kualiti hidup di sebalik kekangan sumber (dipengaruhi pemikiran

ekonomi). Ketiga, mengikut pengalaman individu iaitu perspektif kesejahteraan subjektif yang digunakan dalam sains psikologi dan perlakuan (Brock 1993).

Pentakrifan tentang kualiti hidup pula menunjukkan betapa sukar ianya ditakrifkan, kerana ia membawa kepada konsep yang pelbagai. Kualiti hidup bukan sahaja melibatkan taraf kehidupan masyarakat, bahkan turut menggambarkan tentang kebendaan, ketersediaan dan ketersampaian kemudahan sosial, ekonomi, pengangkutan dan infrastruktur serta pilihan kemudahan rekreasi dan taman permainan kanak-kanak. Oleh yang demikian, menurut Cummins (1999), terdapat 10 definisi yang telah diberikan untuk menerangkan aspek kualiti hidup. Ini menunjukkan bahawa kualiti hidup adalah pelbagai dimensi. Kebiasanya ia boleh dibahagikan kepada sesuatu yang objektif dan subjektif. Bersifat objektif di sini bermaksud, ianya boleh dikenal pasti. Manakala subjektif pula adalah komponen yang melibatkan perasaan umum terhadap kehidupan (Cummins 1999; Leitmann 1999; Busch 1999; Carlsson et al. 2002).

Bagaimanapun, Jabatan Perdana Menteri (1999), mentakrifkan konsep kualiti hidup dalam konteks yang lebih luas, iaitu dengan mengambil kira sebarang aspek dan aktiviti penduduk yang bertujuan meningkatkan tahap kesejahteraan sosial yang selari dengan aspirasi negara. Takrifan yang lebih menyeluruh diberikan oleh JPM ini mempunyai hubungan dengan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT). Ia menyifatkan pembangunan ekonomi negara yang pesat boleh memangkinkan kewujudan peluang-peluang yang dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk (Malaysia 1999). Untuk mengukur kualiti hidup rakyat Malaysia, Jabatan Perdana Menteri telah memilih 10 bidang dan 38 penunjuk untuk mewakili ukuran agregat kualiti hidup. 10 bidang tersebut termasuklah;

- a. Pendapatan dan pengagihan
- b. Persekitaran kerja
- c. Pengangkutan dan komunikasi
- d. Kesihatan
- e. Pendidikan
- f. Perumahan
- g. Alam sekitar
- h. Kehidupan berkeluarga
- i. Penyertaan sosial
- j. Keselamatan awam.

Kualiti hidup bukan hanya melibatkan kebendaan tetapi juga melibatkan semua perkara yang dapat mempengaruhi tahap kepuasan manusia mengikut ruang dan masa. Oleh yang demikian, kualiti hidup merujuk kepada perubahan yang berlaku dalam masyarakat ke satu arah yang lebih baik, iaitu semakin memenuhi tahap berpuashati di kalangan masyarakat, bagi meneruskan kelangsungan untuk hidup selesa.

Manakala penggunaan penunjuk kualiti hidup dalam menilai kualiti hidup masyarakat adalah lebih mudah berbanding dengan konsep kualiti hidup itu sendiri yang pelbagai dan subjektif. Pengukuran kualiti hidup amat penting kerana manusia sentiasa bersifat ingin tahu berkenaan dengan tingkat kemajuan dan kemunduran sesebuah bangsa dan ekonomi. Manakala di peringkat pembuat dasar pula, pentingnya penunjuk adalah bagi menilai sesuatu dasar yang telah dilaksanakan supaya dapat dilakukan penambahbaikan di masa-masa akan datang.

3.1 ISU, PERMASALAHAN DAN SKOP KAJIAN

Pertumbuhan prasarana, perumahan, perkilangan, pekhidmatan sosial dan ekonomi, barangan serta agihan perkhidmatan dan barangan terdedah kepada ancaman dan tekanan yang berpunca daripada usaha-usaha pembangunan pantas yang telah dialami. Didapati tekanan ini boleh memintas usaha-usaha untuk mendapatkan kelestarian aspek-aspek bandar kecil dan kesejahteraan masyarakatnya. Kajian ini mengupas isu kesejahteraan hidup masyarakat dalam menghadapi tekanan pembangunan di Pekan Parit Raja ekoran daripada berlakunya transformasi sosial ekonomi di kawasan persekitarannya.

Menyelusuri pembangunan Pekan Parit Raja dari tahun 70-an, 80-an, 90-an, 2000 dan hingga tahun 2010, penelitian mendapati telah berlaku proses transformasi dari segi kegiatan ekonomi penduduknya dan aktiviti yang ditawarkan di pekan tersebut. Ditinjau sepintas lalu pada awalnya proses tersebut berlaku secara perlahan-lahan sekitar tahun 1970 an hingga penghujung tahun 1980 an, kemudian semakin cepat apabila memasuki era 1990 hingga 2010. Perkembangan ini antara lain adalah didorong oleh faktor persekitaran sama ada penduduk di kawasan sekitar itu sendiri, ataupun disebabkan oleh tekanan pembangunan. Apatah lagi dengan perkembangan sebuah Institusi Pendidikan Tinggi yang terletak di Pekan Parit Raja iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), yang mengalami penaiktarafan dan penjenamaan daripada Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP) kepada Institut Tun Hussein Onn (ITTHO), Kolej Universiti Tun Hussein Onn (KUITTHO) dan seterusnya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Selain itu juga terdapat pusat-pusat pengajian lain seperti Kolej Tinggi Mara, Kolej Kejururawatan dan sebagainya.

Jika dilihat secara terperinci, transformasi yang berlaku di Pekan Parit Raja telah membawa impak yang positif dan negatif kepada penduduk dan persekitarannya. Dengan pertambahan jumlah penduduk di Pekan Pt. Raja, ekoran migrasi dalaman dan antarabangsa (terutamanya di kalangan staf dan pelajar UTHM), telah merancakkan lagi ekonomi di kalangan penduduk setempat. Pertambahan penduduk ini telah membuka mata pencarian kepada penduduk

setempat untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan membesarkan lagi pasaran yang telah sedia ada. Gerai-gerai di tepi jalan dan kedai makan yang kebanyakannya kepunyaan penduduk setempat telah meningkat sama ada di Pekan Parit Raja sendiri, mahupun di kawasan persekitarannya. Pertambahan penduduk ini secara tidak langsung telah meningkatkan permintaan terhadap keperluan harian, peruncitan, bekalan bahan mentah, makanan, perkhidmatan dan sebagainya. Ini merupakan satu peluang ekonomi yang seharusnya direbut oleh penduduk setempat.

Kenaikan harga tanah di sekitar Pekan Parit Raja juga begitu mendadak ekoran pertambahan jumlah penduduk di pekan ini. Permintaan yang tinggi dalam sektor perumahan telah merancakkan lagi sektor pembinaan bagi membina taman-taman perumahan atas permintaan yang tinggi daripada golongan ini. Kadar sewa rumah yang ditawarkan juga turut menunjukkan peningkatan selari dengan permintaan terhadapnya yang tinggi iaitu daripada RM 300.00 sebulan meningkat kepada RM 500 dan RM 550.00 sebulan. Senario ini adalah amat berbeza jika dibandingkan dengan 3 atau 5 tahun kebelakangan yang lalu. Keadaan ini adalah disumbangkan oleh penghijrahan penduduk dari negeri-negeri di seluruh Malaysia, untuk bekerja di UTHM. Kesan UTHM dilihat begitu terkesan sekali, bukan sahaja kepada ekonomi penduduk bahkan kepada sosial, perkhidmatan dan sebagainya. Ini kerana fungsi Pekan Parit Raja yang dahulunya berperanan kecil sebagai membekalkan barangan peruncitan dan pertanian telah berkembang kepada penyediaan perkhidmatan seperti terdapatnya lima institusi kewangan, pendidikan, salon-salon kecantikan, klinik kesihatan berbayar, pusat membeli belah, hotel, kedai buku dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, pemerhatian yang telah dijalankan di Pekan Parit Raja mendapati bahawa pembangunan ekonominya adalah tidak selari dengan pembangunan fizikal. Pekan Parit Raja seolah-olah begitu sukar untuk berkembang dari segi fizikal, iaitu tiadanya bangunan yang besar dan tinggi didirikan. Kebanyakan bangunan yang ada, sebahagian besarnya adalah yang telah sedia ada, dibesarkan dan diperbaiki, dan hanya sebilangan kecil sahaja bangunan baru iaitu seperti bangunan rumah kedai dan bangunan pejabat. Situasi ini telah membawa kepada persoalan adakah ianya berkaitan dengan isu ketuanan tanah Melayu, tanah warisan dan pemilikan tanah secara individu atau isu politik itu sendiri di Pekan Parit Raja menyebabkan proses pembangunan fizikal menjadi terhad. Atas dasar tersebut kajian ini membuat hipotesis bahawa individu telah memainkan peranan yang utama dalam menentukan pembangunan fizikal di Pekan Parit Raja dan bukannya mengikut pentadbiran kerajaan.

Dari segi pendidikan pula, dapat dikesan jurang pencapaian pendidikan di kalangan para pelajar terutama di sekolah rendah. Maksud jurang pencapaian pendidikan di sini, ialah kebanyakan murid sekolah rendah adalah daripada anak penduduk tempatan dan pencapaian mereka adalah sederhana sahaja. Walau bagaimanapun, dengan adanya UTHM sebagai institusi pendidikan tinggi di daerah tersebut turut memberi kesan terhadap pencapaian pendidikan di sekolah-sekolah sekitar Pekan Parit Raja. Ini kerana kebanyakan staf UTHM akan menghantar anak mereka ke sekolah yang berhampiran.

Anak daripada golongan ibu bapa yang berpendidikan tinggi ini telah memberi kesan dan pengaruh yang tinggi kepada pencapaian sekolah di kawasan tersebut. Ini secara tidak langsung telah membina satu jurang yang besar antara pencapaian pendidikan anak-anak tempatan yang rendah dan sederhana dengan pencapaian anak staf UTHM yang rata-ratanya tinggi dan cemerlang. Keadaan ini dapat dilihat setelah tinjauan yang telah dijalankan terhadap pencapaian keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2009 di Sekolah Kebangsaan Pintas Puding dan Sek Kebangsaan Pintas Raya, Pt. Raja , Batu Pahat Johor. Laporan daripada Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat, Johor menyatakan keputusan yang cemerlang ini lebih tinggi daripada keputusan peperiksaan UPSR dari sekolah rendah di Daerah Batu Pahat, Johor. Jurang yang ketara ini akan memberi kesan sama ada dari segi positif dan negatif. Kesan positif dapat dilihat melalui peningkatan usaha untuk bersaing di kalangan anak tempatan dengan murid-murid yang cemerlang. Manakala kesan negatif pula kemungkinan menyebabkan murid-murid ini akan merasa rendah diri, tersisih dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, pengolahan bandar lestari yang cuba digarapkan dalam penelitian ini dengan cuba melihat kepada kemampuan Pekan Parit Raja itu sendiri dalam mengalami proses transformasi supaya pembangunan yang dijalankan adalah seiring dengan keperluan negara tetapi dalam masa yang sama turut mengambilkira kualiti dan kesejahteraan hidup masyarakatnya. Tekanan pembangunan yang meliputi persoalan dayahuni bandar, kelestarian alam sekitar, serta sumber alam dan kualiti hidup cuba dikaji bagi memastikan kemudahterancaman bandar dapat diatasi.

Kajian ini adalah berkenaan dengan transformasi atau perubahan yang dialami oleh bandar kecil ekoran ledakan dan hambatan daripada pembangunan. Justeru, isu dayahuni bandar dan kelestarian adalah menjadi persoalan pokok yang cuba dikupas dan dijelaskan supaya masyarakat dan alam sekitar di situ, tidak terhimpit dan tertekan dari segi kapasiti penduduknya yang semakin bertambah, keperluan kemudahan dan perkhidmatan sosioekonomi yang meningkat yang meliputi kemudahan sosial, perumahan, peruncitan dan perkhidmatan perbankan. Justeru, kemampuan dari segi alam sekitar, sosial, ekonomi dan akhirnya kualiti, kesejahteraan hidup dan kelestarian alam sekitar seperti yang termeterai dalam Deklarasi Rio dapat dipertahankan.

Skop kajian ini iaitu untuk menangani kapasiti perubahan penduduk pula boleh didapati menerusi beberapa ukuran kerana pemerhatian kajian ini berteraskan kepada maklumat sekunder. Perubahan kapasiti penduduk pekan ini adalah kerana ianya mengalami migrasi dalaman dan antarabangsa. Perubahan pekan antara lainnya dicetuskan oleh kewujudan UTHM, perkilangan dan industri pembuatan sama ada untuk dieksport secara langsung ataupun tidak langsung. Manakala dari aspek sosiologi budaya penduduk setempat akan dikaji bagi mengetahui sama ada sikap dan pemikiran penduduk akan mencorakkan kehidupan mereka.

Dari aspek fizikal pula ekoran tekanan pembangunan yang semakin meningkat di Pekan Parit Raja turut mencetuskan senario pencemaran terhadap kualiti air dan masalah banjir. Keadaan ini dapat dikesan ekoran kejadian banjir besar yang melanda Batu Pahat pada penghujung tahun 2006 dan awal tahun 2007, yang mana telah dikenalpasti bahawa, antara punca banjir besar berlaku adalah turut disumbangkan oleh pencemaran sampah yang berlaku dalam sistem saliran. Selain itu juga, turut dikenalpasti bahawa terdapat beberapa spesies hidupan burung-burung liar yang dijangka telah pupus, tetapi masih kelihatan berterbangan di kawasan perkampungan sekitar Pekan ini. Kajian melihat, perlunya pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap beberapa spesies flora dan fauna ini dijalankan, kerana dikhuatiri pembangunan pesat kini dan akan datang akan menyebabkan hidupan ini akan pupus ataupun akan berhijrah ke tempat lain. Keistemewaan spesies ini akan menjadi satu daya tarikan kepada mereka yang berminat terhadap flora dan fauna. Keistemewaan ini juga boleh dimajukan untuk menjadikan perkampungan tersebut sebagai kawasan pelancongan semulajadi atau *ecotourisme*, *homestay* di Pekan Parit Raja.

4.1 HASIL KAJIAN TINJUAN

Kajian ini masih lagi di peringkat awal bagi meneliti sejauhmana berlakunya limpahan pembangunan di Pekan Parit Raja ekoran tekanan pembangunan di persekitaran. Kajian tinjauan yang telah dijalankan telah berjaya mengenalpasti berlakunya rebakan pembangunan, perbandaran dan fungsi Pekan Parit Raja itu sendiri iaitu dengan adanya kegiatan ekonomi yang semakin berkembang. Jika pergi ke Parit Raja, pusat pekannya adalah berada pada persimpangan empat 'Traffic Light' yang mana ianya menghubungkan pekan tersebut dengan Pekan Air Hitam, Bandar Batu Pahat, Bandar Pontian dan persekitarannya. Kini Pekan Parit Raja menjadi semakin berkembang dan sibuk dengan pertambahan jumlah kenderaan di pekan tersebut juga, terdapat bangunan-bangunan baru dibangunkan. Contohnya terdapat kemudahan Hotel Budget iaitu "Hotel D Impian". Pembanguna yang terdapat di Pekan Parit Raja secara jelas telah membuktikan bahawa berlakunya transformasi di Pekan Parit Raja, Batu Pahat Johor Malaysia. Pekan Parit raja merupakan pusat dan nadi bagi kegiatan perniagaan, peruncitan, perkhidmatan yang dijalankan di kawasan tersebut.

Selain daripada itu, antara kesan pembangunan yang ketara adalah dengan adanya sebuah pusat pengajian tinggi di Pekan tersebut iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Seperti yang dibincangkan sebelum ini bahawa kewujudan universiti ini cukup terkesan sekali dengan transformasi yang berlaku di Pekan Parit Raja. Ianya bukan sahaja telah membawa masuk golongan penghijrah dalaman bahkan hingga peringkat antarabangsa apabila terdapatnya aliran kemasukan pelajar-pelajar dari luar Negara. Walaupun mereka ini bukan permastautin di pekan tersebut, tetapi dengan adanya mereka permintaan terhadap sumber, kemudahan sosial dan ekonomi turut meningkat. Kedudukan UTHM iaitu hanya 2 km dari Pekan Parit Raja (kampus induk) dan kampus bandar pula terletak dalam kawasan Pekan Parit Raja.

5.1 KESIMPULAN

Kajian terhadap “Transformasi Pekan Parit Ke Arah Mencari Kesejahteraan Hidup Masyarakat Dan Kelestarian Alam Sekitar” merupakan satu kajian yang bermatlamat untuk mencari kesejahteraan hidup masyarakat dan kelestarian alam sekitar yang berada di persekitarannya. Pentingnya kesejahteraan hidup masyarakat di Pekan Parit Raja dikaji kerana adanya pertambahan penduduk yang pesat, ekonomi dan pasaran yang mendadak yang telah menimbulkan satu keadaan di mana, kemungkinan sebahagian masyarakatnya mendapat impak yang positif dan sebahagiannya lagi mendapat impak negatif. Keadaan ini dapat dilihat dalam skop pendidikan umpamanya, ‘satu jurang’ seolah-olah tercipta antara pencapaian pendidikan di kalangan anak tempatan dengan anak golongan migran. Pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan flora dan fauna, kerana ia merupakan khazanah alam yang amat berharga. Pentingnya generasi kini dan akan datang mengenali dan menghargai warisan tersebut daripada kepupusan ekoran tekanan pembangunan. Justeru, pentingnya penelitian ini dijalankan bagi mengkaji cabaran-cabaran tersebut iaitu dari aspek “Transformasi Pekan Parit Raja”, “Daya Huni Bandar” dan Kelestarian alam sekitar untuk mencapai Kesejahteraan Hidup” bagi memastikan kualiti hidup masyarakat dan kelestarian di Pekan Parit Raja tidak terpinggir.

RUJUKAN

- Amin, A & Thrift, N. 2002. *Cities: Reimagining The Urban*. Polity Press, Manden, MA.
- Brock, D. 1993. Quality Of Life Measures In Health Care And Medical Ethles. In. San. A.S. Nussbaum, M. (Eds). *The Quality Of Life*. Oxford: Claredon Press.
- Busch, E.W.1999. Stability And Change Of Subjective Indicator Of Urban Quality Of Life In Switzerland. Dlm. Lim, L.Y.,Yuen, B., Low, C. (Pnyt.) *Urban Quality Of Life: Critical Issues And Options*. Singapura: NUS.
- Carlsson, I., Frederiksen, S.O. & Gottfries, C.G. 2002. Quality Of Life And Standard Of Living In A Randomly Selected Groud Of Psychiatrically Disabled People In Sweden 2 Years After A Psychiatry Reform. *Eur. Psychiatry*: 17:179-187.
- Casselati, A. 1997. The Nature Of Livability. In Lennard, SH Et. Al (Eds). *Making Cities Livable. International Making Cities Livable Conference*. California, USA: Godolier. Press.
- Cities (PLUS). 2003. *A Sustainable Urban System; The Long-Term Plan For Greater Vancouver*. Vancouver, Canada.
- Cummins, R.J. 1999. A Psychometric Evaluation Of The Comprehensive Quality Of Life Scale-Fifth Edition. Dlm. Lim, L.Y., Yuen, B., Low, C. (Pnyt.). *Urban Quality Of Life: Critical Issues And Options*. Singapura: NUS.
- Girardet, H. 2004. *Cities People Planet: Livable Cities For A Sustainable World*. Chichester: John Wiley & Sons Ltd.

Jabatan Perdana Menteri. 1999. *Kualiti Hidup Malaysia 1999*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Malaysia. 1999. *Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.

New Man. 1999. Dlm. Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus, Abdul Hadi Herman Shah & Ahmad Fariz Mohamed. *Daya Huni Bandar (Urban Livability)*.2008. Bangi. Lestari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Raphael, D., Rukholm, E., Brown, I., Bailey, P.H. & Donato, E. 1996. The Quality Of Life Profil-Adolescent Version: Background, Description And Initial Validation. *Journal Of Adolescent Health* 19: 366-375.

Raphael, D., Renwick, R., Brown, I., Steinmentz, B., Sehdev, H. & Philips, S. 2001. Making The Links Between Community Structure And Individual Well-Being: Community Quality Of Life In Riverdale, Toronto, Canada. *Healthy And Place* 7:179-196.

Salzano, E. 1997. Seven Aims For The Livable City In Lennard,SH Et. Al(Eds). Making Cities Livable. *International Making Cities Livable Conference*, California, USA: Godolier Press.

Scott, A. J. 2001. *Global City-Regions*. Oxford University Press,Oxford.

Short, J. R. 2004. *Global Metropolitan*. Routledge, London.

Timmer & Syarour. 2006. Dlm. Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus, Abdul Hadi Herman Shah & Ahmad Fariz Mohamed. *Daya Huni Bandar (Urban Livability)*.2008. Bangi. Lestari Universiti Kebangsaan Malaysia.